



JABATAN PERDANA MENTERI

**PEKELILING PENGURUSAN PERPADUAN NEGARA
BILANGAN 1 TAHUN 2011**

**TATACARA PEMANTAUAN DAN PENGESANAN
ISU PERPADUAN NEGARA**

JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

8 Februari 2011

Dikelilingkan Kepada :

**Semua Pengarah Perpaduan Negeri
Semua Pegawai Perpaduan Daerah/Bahagian**

1. TUJUAN

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memantapkan tatacara pemantauan dan pengesanan isu perpaduan negara yang boleh menimbulkan ketegangan dalam masyarakat serta menggariskan panduan tindakan yang perlu diambil berhubung dengannya.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Mewujudkan kesatuan dan perpaduan dalam sebuah negara berbilang etnik, agama, budaya dan bahasa merupakan perkara yang mencabar. Sering kali polariti dan perbezaan dalam masyarakat timbul melibatkan pandangan yang bertentangan terhadap sistem ekonomi, politik, sosial, etnik, budaya, agama dan sebagainya. Terdapat masa-masa tertentu apabila pandangan yang berbeza dan perbezaan dari sudut persepsi dan interpretasi menimbulkan pertelingkahan, perbalahan dan ketegangan dalam masyarakat.
- 2.2. Justeru itu, timbul keperluan untuk menilai keadaan di Malaysia secara lebih saintifik dan sistematik bagi mengetahui tahap iklim perhubungan dalam masyarakat. Dengan pengetahuan dan matlamat kewujudan ketegangan masyarakat, usaha ke arah menguruskannya dapat dilaksanakan.
- 2.3. Cabaran mengekalkan keharmonian dan perpaduan secara berterusan jelas, penting dan relevan. Misi perpaduan bukan sekadar demi

keharmonian dan hubungan baik semata-mata, sebaliknya apa yang lebih penting ialah pembinaan sebuah negara Malaysia yang produktif dan berdaya saing serta pencapaian Wawasan 2020.

2.4. Isu-isu yang melibatkan perpaduan masyarakat dan keharmonian sosial perlu dikesan, dipantau, diurus dan diatasi untuk memelihara dan meningkatkan lagi tahap keharmonian masyarakat. Justeru, laporan ini disediakan berasaskan pengesanan dan pengumpulan isu-isu melalui dua peringkat iaitu:-

a) Peringkat Daerah/Bahagian

Laporan oleh PPD/B mengenai isu semasa yang dikesan berlaku dengan menggunakan sistem **e-SEPAKAT** (web based system).

b) Peringkat Ibu Pejabat

Pengesanan isu-isu semasa di peringkat Ibu Pejabat dijalankan oleh BPP melalui laporan-laporan media cetak, Internet, blog dan pihak polis. Mesyuarat Jawatankuasa Pengesanan Isu Semasa diadakan setiap minggu bagi meneliti dan menganalisis isu yang dilaporkan. Maklumat yang diperoleh dikumpulkan mengikut pengelasan maklumat.

2.5. Pendekatan manifestasi digunakan untuk membina Indeks Ketegangan Masyarakat sebagai petunjuk tahap keharmonian dan perpaduan

rakyat berdasarkan bilangan kes setahun dibahagikan dengan jumlah penduduk.

- 2.6. Perpaduan rakyat boleh dilihat dari aspek perhubungan antara (inter) dan dalam (intra) kaum, politik, ekonomi, sosial, agama, keselamatan, alam sekitar, pendidikan dan lain-lain yang berpotensi menimbulkan pergeseran, perbalahan, ketegangan dan ancaman kepada keharmonian masyarakat.

3. TAKRIFAN

3.1. e-SEPAKAT

Merupakan sistem pengurusan maklumat yang mengandungi:-

- a) i-Kes;
- b) i-Muhibah;
- c) *i-Pain Point*; dan
- d) i-Mediator.

3.2. Kawasan *Pain Point*, *Tension Point* dan *Hot Spot*

	Definisi	Indikator
a) <i>Pain Point</i>	Kawasan yang mempunyai isu/masalah yang boleh menimbulkan ketegangan dalam masyarakat	Bilangan insiden 0 – 3 dalam tempoh setahun
b) <i>Tension Point</i>	Kawasan yang mempunyai isu/masalah yang boleh menjejaskan keharmonian masyarakat	Bilangan insiden 4 – 5 dalam tempoh setahun
c) <i>Hotspot</i>	Kawasan yang mempunyai isu/masalah yang berupaya mengganggu-gugat keharmonian masyarakat	Bilangan insiden > 5 dalam tempoh setahun

3.3. *Tension Issue*

	Definisi
<i>Tension issue</i>	Isu-isu yang menimbulkan/mencetuskan ketegangan dan mengganggu-gugat keharmonian masyarakat tanpa tempat kejadian yang spesifik

3.4. Aras Petunjuk Risiko

Petunjuk Risiko	Keganasan / Rusuhan / Demostrasi / Protes	Pergaduhan / Serangan	Isu
a) Hijau	<ul style="list-style-type: none"> Tiada kematian 	<ul style="list-style-type: none"> Berlaku kecederaan/ kematian dan insiden bersifat one-off 	<ul style="list-style-type: none"> Gangguan/Ketegangan terkawal
b) Kuning	<ul style="list-style-type: none"> Berlaku kecederaan/ kematian dan berulang > 3 insiden dalam 30 hari 	<ul style="list-style-type: none"> Berlaku kecederaan/ kematian dan berulang > 3 insiden dalam 30 hari 	<ul style="list-style-type: none"> Gangguan & ketegangan, tanda-tanda di luar kawalan dan akan merebak
c) Merah	<ul style="list-style-type: none"> Berlaku kecederaan/ kematian, berulang > 3 insiden dalam 30 hari dan merebak 	<ul style="list-style-type: none"> Berlaku kecederaan/ kematian, berulang > 3 insiden dalam 30 hari dan merebak 	<ul style="list-style-type: none"> Gangguan & ketegangan, di luar kawalan dan merebak

4. PELAKSANAAN e-SEPAKAT

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, tindakan-tindakan untuk membuat pemantauan, pengesanan (termasuk melalui media massa/cetak/elektronik, Internet, dsb) dan laporannya hendaklah dibuat oleh pegawai-pegawai perpaduan seperti berikut:-

4.1. Pemantauan, Pengesanan dan Pelaporan (3P)

4.1.1. Semua PPD/B/N hendaklah membuat pemantauan dan pengesanan mengenai perkara-perkara berikut di kawasan masing-masing:-

- a) Keganasan;
- b) Rusuhan;
- c) Demonstrasi;
- d) Protes;
- e) Pergaduhan;
- f) Serangan; dan
- g) Isu.

4.1.2. Setiap insiden/isu yang belum/sudah berlaku hendaklah dilaporkan dalam i-Muhibah/i-Kes sebaik sahaja diketahui.

4.1.3. Sekiranya insiden/isu yang memerlukan pengetahuan dan perhatian segera hendaklah disampaikan secara SMS kepada:-

- a) KP, JPNIN;
- b) TKP, JPNIN;
- c) P(PP); dan
- d) PPN.

4.2. Arahan Tindakan

4.2.1 Insiden/isu yang dilaporkan dalam i-Kes hendaklah dikategorikan mengikut Aras Petunjuk Risiko (sila rujuk takrifan).

4.2.2 PPD/B/N hendaklah melaksanakan Arahan Tindakan yang ditetapkan oleh KP, JPNIN / TKP(P) / P(PP) melalui i-Kes / i-Muhibah / arahan bertulis.

4.2.3 Berikut adalah Arahan Tindakan yang telah ditetapkan dalam i-Kes dan i-Muhibah:-

a) **Pemantauan**

melaksanakan pemantauan terhadap persekitaran kawasan yang berhadapan dengan insiden/isu perpaduan. Pemantauan bertujuan untuk meneliti perkembangan insiden/isu tersebut.

b) **Perjumpaan**

mengadakan perjumpaan sebagai usaha untuk menjalin/memulihkan hubungan di antara pihak-pihak yang terlibat dengan insiden/isu perpaduan.

c) **Dialog**

mengadakan dialog dengan pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sebagai usaha untuk mencari jalan penyelesaian.

d) **Laporan Reaksi**

mendapatkan maklumbalas daripada masyarakat mengenai sesuatu insiden/isu perpaduan. Pegawai dikehendaki menjalankan **kajiselidik ke atas minimum 30 responden dan hasil maklumat tersebut diringkaskan dalam Laporan Reaksi.** Format Borang Reaksi boleh dimuat turun daripada sistem i-Muhibah.

e) **Mediasi**

mengerakkan Mediator Komuniti yang bertindak sebagai orang tengah untuk meredakan dan menyelesaikan insiden/isu perpaduan yang berlaku.

f) **Rondaan SRS**

melaksanakan Rondaan SRS di kawasan yang terlibat.

g) **Program Gerak Padu**

melaksanakan program yang bertujuan untuk memulihkan hubungan dan keadaan dikawasan yang berhadapan dengan insiden/isu perpaduan.

4.2.4 Arahan pengoperasian Bilik Gerakan hendaklah dikeluarkan oleh KP, JPNIN, TKP, P(PP) atau PPN secara bertulis. Pengoperasian Bilik Gerakan hendaklah mengikut Pekeliling Pengurusan Perpaduan Negara Bil. 2/2011.

4.2.5 Sekiranya tiada sebarang insiden/isu yang dikesan berlaku di Daerah/Bahagian masing-masing, laporan hendaklah dibuat pada atau sebelum 5hb bulan berikutnya.

4.3. Maklumat Kawasan Bermasalah

4.3.1. Kawasan yang bermasalah hendaklah dilaporkan dalam *i-Pain Point* oleh PPD/B sebaik sahaja dikesan.

4.3.2. PPD/B hendaklah memberi perhatian utama kepada kawasan yang dikategorikan sebagai *Hot Spot*, *Tension Point* dan *Pain Point*. Program-program yang sesuai hendaklah dirancang dan dilaksanakan di kawasan ini.

4.4. Maklumat *Tension Issue*

4.4.1. BPP hendaklah mengklasifikasikan isu-isu mengikut bidang berikut:-

- a) Agama
- b) Alam Sekitar
- c) Ekonomi
- d) Keselamatan
- e) Pendidikan
- f) Politik
- g) Sosial

4.4.2. *Tension Issue* yang memerlukan perhatian hendaklah disampaikan kepada agensi-agensi yang terlibat oleh BPP.

5. TANGGUNGJAWAB PENGARAH PERPADUAN NEGERI

PPN hendaklah bertanggungjawab ke atas perkara-perkara berikut:-

5.1. memastikan laporan insiden/isu dibuat melalui e-SEPAKAT oleh PPD/B.

5.2. apabila menyemak laporan daripada PPD/B, tindakan-tindakan berikut perlu diambil:

- a) mengkaji langkah-langkah yang telah diambil oleh PPD/B bagi menentukan langkah-langkah selanjutnya yang perlu dan boleh

diambil berhubung dengan insiden/isu yang telah dikesan. Di antara langkah-langkah yang mungkin perlu atau boleh diambil oleh PPN ialah:

- (i) memaklumkan kepada pihak berkuasa negeri seperti YB Setiausaha Kerajaan Negeri, pihak Polis di peringkat negeri dan sebagainya;
 - (ii) jika dirasakan perlu, mengarahkan PPD/B untuk mewujudkan Bilik Gerakan di Pejabat Bahagian atau Daerah. Bagi tujuan ini, arahan boleh dikeluarkan kepada mana-mana pegawai perpaduan di Ibu Pejabat Negeri atau Bahagian atau Daerah lain yang berdekatan untuk bertugas di Bilik Gerakan tersebut bagi membantu pegawai-pegawai di Bahagian atau Daerah berkenaan dan
 - (iii) tindakan-tindakan lain yang difikirkan perlu dan sesuai.
- b) memaklumkan dengan segera kepada Ibu Pejabat tentang langkah-langkah yang telah dicadangkan atau diambil dan

5.3. Apabila menerima maklumat insiden/isu yang dikenal pasti daripada BPP di Ibu Pejabat, tindakan-tindakan berikut perlu diambil:

- (i) mengeluarkan arahan kepada PPD/B supaya pemantau kawasan berkenaan;
- (ii) tindakan-tindakan lain yang difikirkan perlu dan sesuai; dan

(iii) memaklumkan dengan segera kepada Ibu Pejabat tentang langkah-langkah yang telah dicadangkan atau diambil.

5.4. PPN hendaklah memastikan semua PPD/B dilatih dan mahir dalam e-SEPAKAT.

6. PENGUATKUASAAN

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

7. PEMBATALAN

Pekeliling ini menggantikan Pekeliling Jabatan Perpaduan Negara (Bahagian Penyelidikan Etno-Sosial) Bilangan 1 Tahun 1999 - Laporan Isu Semasa Dan Kejadian Konflik.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' AZMAN AMIN HASSAN)

Ketua Pengarah

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

Pekeliling Pengurusan Perpaduan Negara Bil.1 Tahun 2011